

Newspaper	Berita Harian
Date	4/7/2013

Tiada asas bantahan ala Arab Spring: Najib

» Rakyat terus nikmati kemajuan ekonomi, mahu kekal keamanan



Kadir Dikoh
kadir@mediaprima.com.my
London

Datuk Seri Najib Razak berkata tidak ada asas untuk melancarkan bantahan ala Arab Spring di Malaysia dengan menegaskan bahawa negara telah menikmati keamanan dan kestabilan selama 55 tahun.

Dalam temu bual dengan BBC pada Selasa lalu, Perdana Menteri juga berkata negara telah menyaksikan kemajuan ekonomi yang baik dan rakyat mempunyai banyak perkara untuk melihat ke hadapan.

"Kita tidak fikir ada asas bagi rakyat untuk turun ke jalanan membantah terhadap kerajaan," katanya ketika temu bual secara langsung dengan penyampai berita BBC, Jon Sopel di London, kelmarin.

Najib yang mengadakan latihan kerja empat hari ke United Kingdom, berkata dalam konteks Malaysia, apa yang penting ialah perubahan boleh dilaksanakan dari dalam dan ia bukan hanya mengenai mengubah kerajaan.

"Inilah yang berlaku dengan perubahan itu. Jika rakyat mahu perubahan, apa yang saya katakan ialah kita boleh bawa perubahan tetapi dari dalam," katanya.

Najib menolak dakwaan ba-



Najib ketika ditemuramah Jon di Studio BBC di London, kelmarin.

[FOTO BERNAMA]

hawa Malaysia diperintah secara autokratik dan kerajaan tidak responsif kepada rakyat.

Tolak dakwaan autokratik

"Kami tidak (autokratik). Kami perlu mendekati mereka. Masalah dengan media sosial ialah terlalu banyak maklumat palsu di luar sana dan terpulang kepada kita untuk membetulkannya.

"Inilah apa yang kami lakukan. Kami perlu membabit-

"*Jika rakyat mahukan perubahan, apa yang saya katakan ialah kita boleh bawa perubahan tetapi dari dalam"***"**

Najib Razak,
Perdana Menteri

kan diri melalui media sosial supaya lebih ramai orang akan memahami dan menghargai apa yang dilakukan oleh kerajaan," katanya.

Najib juga menjawab soalan mengenai pilihan raya umum 5 Mei lalu yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) dipilih semula memegang tampuk kerajaan di tengah-tegah kebimbangan mengenai cara pilihan raya dilaksanakan.

Pilihan raya adil

"Kami tetap mempertahankan pilihan raya itu dijalankan dengan benar, adil dan telus," katanya sambil menambah bahawa kerajaan bersedia di soal berhubung perkara ini mengikut Perlembagaan dan undang-undang negara.

"Kami tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, kami telus," katanya.

Najib juga mengambil peluang menjelaskan langkah kerajaan untuk menghapuskan

undang-undang tertentu yang mendapat kritikan hebat.

"Kami telah memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, kami telah memansuhkan Ordinan Darurat di Malaysia. Dengan lain perkataan, penahanan tanpa bicara adalah sejarah di Malaysia. Jadi, buat kali pertama di Malaysia ada begitu banyak kebebasan bagi rakyat untuk membantah terhadap kerajaan," katanya.

Sambil menegaskan Malaysia ditadbir oleh undang-undang, Najib menjelaskan me-reka yang mengeluarkan kenyataan sehingga menjejaskan kestabilan negara perlu bertanggungjawab.

Perdana menteri juga berkata undang-undang tertentu perlu berada di tempatnya bagi memastikan Malaysia, dengan rakyatnya yang pelbagai kaum akan terus menjadi sebuah negara di mana rakyatnya dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni.

BH-4/7/2013